KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA

ARAHAN KETUA PENGARAH KESIHATAN
BILANGAN 1 TAHUN 2024

MENGIKUT PERUNTUKAN
AKTA KESIHATAN MENTAL 2001 [*AKTA 615*] DAN
PERATURAN-PERATURAN KESIHATAN MENTAL 2010 [*P.U. (A) 206/2010*]

GARIS PANDUAN
PELANTIKAN DAN PERANAN LEMBAGA PELAWAT HOSPITAL PSIKIATRI SWASTA DAN RUMAH JAGAAN KEJURURAWATAN PSIKIATRI SWASTA

TUJUAN

1. Garis panduan ini disediakan berdasarkan Akta Kesihatan Mental 2001 [*Akta 615*] dan Peraturan-Peraturan Kesihatan Mental 2010 [*P.U. (A) 206/2010*] untuk memastikan pelantikan dan peranan ahli Lembaga Pelawat bagi Hospital Psikiatri Swasta atau Rumah Jagaan Kejururawatan Psikiatri Swasta dilaksanakan dengan teliti dan berkesan.

2. Garis panduan ini juga memberi panduan kepada Ketua Pengarah Kesihatan dan pegawai di Cawangan Kawalan Amalan Perubatan Swasta (CKAPS) dalam memastikan pematuhan pemegang lesen atau Orang Yang Bertanggungjawab bagi Hospital Psikiatri Swasta atau Rumah Jagaan Kejururawatan Psikiatri Swasta terhadap tatacara pelantikan dan peranan ahli Lembaga Pelawat sebagaimana yang ditetapkan.

3. Tujuan utama Lembaga Pelawat adalah untuk memastikan rawatan berkualiti diberikan dan hak pesakit mental dipelihara melalui pemantauan berterusan, serta memastikan kesejahteraan pesakit sentiasa menjadi keutamaan melalui pelantikan Lembaga Pelawat yang berkelayakan dan berintegriti.

LATAR BELAKANG

4. Garis panduan ini disediakan untuk memastikan pelantikan dan peranan Lembaga Pelawat bagi Hospital Psikiatri Swasta dan Rumah Jagaan Kejururawatan Psikiatri Swasta dilaksanakan mengikut peruntukan undang-undang yang ditetapkan.

5. Akta 615 bertujuan untuk menyediakan peruntukan berhubungan dengan kemasukan, penahanan, penginapan, jagaan, rawatan, pemulihan, pengawalan dan perlindungan penjagaan, rawatan, dan pemulihan pesakit mental, serta untuk memastikan hak dan kebajikan pesakit mental dilindungi. Akta ini juga menggariskan pelantikan Lembaga Pelawat yang berfungsi memantau dan memastikan kebajikan pesakit di Hospital Psikiatri atau Rumah Jagaan Kejururawatan psikiatri terpelihara.

6. Manakala Akta Kemudahan dan Perkhidmatan Jagaan Kesihatan Swasta 1998 [*Akta 586*] lebih memberi tumpuan kepada pengawalan dan pengawalseliaan kemudahan dan perkhidmatan jagaan kesihatan swasta (KPJKS) secara keseluruhan, termasuk Hospital Psikiatri Swasta dan Rumah Jagaan Kejururawatan Psikiatri Swasta dengan memberi penekanan terhadap keperluan pematuhan pemegang lesen atau Orang Yang Bertanggungjawab terhadap standard kesihatan dan keselamatan KPJKS secara umum.

7. Garis panduan ini dibangunkan supaya pelaksanaan pembentukan, peranan dan fungsi Lembaga Pelawat di Hospital Psikiatri Swasta dan Rumah Jagaan Kejururawatan Psikiatri Swasta yang diperuntukkan bawah Akta 615 dapat ditakrifkan dengan lebih spesifik supaya mekanisme kawalan dan kawal seliaan bawah Akta 586 berjalan lancar.

SUMBER KUASA

8. Akta dan peraturan berikut menjadi asas kepada pelantikan dan tanggungjawab Lembaga Pelawat bagi Hospital Psikiatri Swasta dan Rumah Jagaan Kejururawatan Psikiatri Swasta:

8.1. **Seksyen 38 hingga 47 (Bahagian VII), Akta 615**: Peruntukan ini merangkumi hal-hal berkaitan Lembaga Pelawat seperti berikut:

(a) Seksyen 38 dan 39, Akta 615 berkenaan pelantikan ahli Lembaga Pelawat berserta terma dan syarat pelantikan ahli Lembaga Pelawat;

(b) Seksyen 40, 42 dan 43, Akta 615 berkaitan keperluan mengaturkan jadual lawatan bagi ahli Lembaga Pelawat, kewajipan menjalankan lawatan dan penyediaan laporan lawatan;
(c) Seksyen 41, Akta 615 berhubung kekerapan mesyuarat Lembaga Pelawat;
(d) Seksyen 44 dan 45, Akta 615 memperuntukkan kaedah pemeriksaan dan kajian semula pesakit tidak sukarela oleh ahli Lembaga Pelawat;
(e) Seksyen 46, Akta 615 berkenaan kerahsiaan maklumat oleh ahli Lembaga Pelawat; dan
(f) Seksyen 47, Akta 615 memberi kuasa kepada Menteri Kesihatan untuk menentukan apa-apa elaun bagi kehadiran dan perbelanjaan perjalanan ahli Lembaga Pelawat.

8.2. **Seksyen 16, Akta 615** memberi kuasa kepada ahli Lembaga Pelawat untuk menilai rayuan pesakit tidak sukarela yang memohon untuk pelepasan keluar.

8.3. **Peraturan 49 hingga 53 (Bahagian IX), P.U. (A) 206/2010** memperuntukkan tatacara yang mesti diikuti oleh Lembaga Pelawat bagi Hospital Psikiatri Swasta dan Rumah Jagaan Kejururawatan Psikiatri Swasta.

9. **Seksyen 50, Akta 615** memberi kuasa kepada Ketua Pengarah Kesihatan untuk mengeluarkan arahan, perintah atau garis panduan berhubung dengan kualiti dan piawaian hospital psikiatri, rumah jagaan kejururawatan psikiatri atau pusat kesihatan mental masyarakat sebagaimana yang difikirkannya perlu.

TAFSIRAN

10. Merujuk Seksyen 2, Akta 615, –

10.1. “ahli psikiatri” ertinya seseorang pengamal perubatan berdaftar yang mempunyai kelayakan, latihan dan pengalaman dalam disiplin psikiatri yang diiktiraf oleh Ketua Pengarah.

10.2. “Hospital Psikiatri Swasta” ertinya mana-mana premis yang dilesenkan sebagai Hospital Psikiatri Swasta di bawah Akta 586.

10.3. “Hospital Psikiatri Swasta yang diwartakan” ertinya Hospital Psikiatri Swasta yang diwartakan di bawah Seksyen 4.

10.4. “Lembaga” ertinya Lembaga Pelawat yang dilantik di bawah Seksyen 38.

10.5. “Orang Yang Bertanggungjawab” ertinya orang yang bertanggungjawab bagi pengurusan dan pengawalan sesuatu hospital psikiatri atau rumah jagaan kejururawatan psikiatri atau pusat kesihatan mental masyarakat, mengikut mana-mana yang berkenaan, dan penyeliaan kakitangan perubatan, kakitangan rawatan, kakitangan teknikal dan kakitangan sampingan yang diambil kerja di hospital rumah jagaan atau pusat itu.

10.6. “Pelawat” ertinya anggota Lembaga Pelawat yang dilantik di bawah Seksyen 38.

10.7. “Pemegang lesen” ertinya orang yang kepadanya suatu lesen bagi suatu Hospital Psikiatri Swasta atau suatu Rumah Jagaan Kejururawatan Psikiatri Swasta atau suatu Pusat Kesihatan mental Masyarakat Swasta, mengikut mana-mana yang berkenaan, telah dikeluarkan di bawah Akta 586.

10.8. “pesakit sukarela” ertinya seseorang yang dimasukkan ke dalam suatu hospital psikiatri di bawah seksyen 9.

10.9. “pesakit tidak sukarela” ertinya seseorang yang dimasukkan ke dalam suatu hospital psikiatri di bawah seksyen 10, atau yang ditahan di hospital itu di bawah subseksyen 9(5) atau 14(1) atau 14(3), atau yang diterima masuk ke dalam hospital psikiatri melalui perintah Mahkamah di bawah seksyen 73.

10.10. “Rumah Jagaan Kejururawatan Psikiatri Swasta” ertinya mana-mana premis yang dilesenkan sebagai rumah jagaan kejururawatan psikiatri swasta di bawah Akta 586.

10.11. “Rumah Jagaan Kejururawatan Psikiatri Swasta yang diwartakan” ertinya rumah jagaan kejururawatan psikiatri swasta yang diwartakan di bawah seksyen 28.

PEMAKAIAN

11. Semua premis yang dilesenkan sebagai Hospital Psikiatri Swasta atau Rumah Jagaan Kejururawatan Psikiatri Swasta di bawah Akta 586, serta Lembaga Pelawat yang dilantik, hendaklah mematuhi Arahan ini.

TATACARA PELANTIKAN

12. Keahlian Lembaga Pelawat

12.1. Setiap Lembaga Pelawat bagi setiap Hospital Psikiatri Swasta atau Rumah Jagaan Kejururawatan Psikiatri Swasta hendaklah mengandungi keahlian tidak kurang daripada tiga (3) orang yang dilantik oleh Menteri Kesihatan.

12.2. Lembaga Pelawat bagi suatu Hospital Psikiatri Swasta hendaklah pada setiap masa terdiri daripada –

(a) seorang pengamal perubatan berdaftar, sebaik-baiknya seorang ahli psikiatri, yang tidak bekerja di hospital itu; dan
(b) dua (2) orang yang lain, serta salah seorang daripada ahli Lembaga Pelawat itu hendaklah merupakan seorang perempuan.

12.3. Lembaga Pelawat bagi suatu Rumah Jagaan Kejururawatan Psikiatri Swasta hendaklah pada setiap masa terdiri daripada seseorang yang tidak bekerja di Rumah Jagaan Kejururawatan Psikiatri Swasta atau mempunyai pesakit di Rumah Jagaan Kejururawatan Psikiatri Swasta itu, merangkumi –

(a) seorang pengamal perubatan berdaftar hendaklah seorang ahli psikiatri;
(b) seorang jururawat terlatih berdaftar; dan
(c) seorang yang lain, serta salah seorang daripada ahli Lembaga Pelawat itu hendaklah merupakan seorang perempuan.

13. Kriteria Pencalonan

13.1. Ahli Lembaga Pelawat hendaklah memenuhi kriteria berikut:

(a) Warganegara Malaysia, berumur 21 tahun ke atas yang sihat fizikal dan mental;
(b) Tiada sebarang rekod jenayah termasuk tidak disabitkan di Mahkamah Syariah;
(c) Tidak diisytihar bankrap;
(d) Bukan seorang wakil rakyat (Ahli Parlimen atau Ahli Dewan Undangan Negeri); dan

(e) Bukan kakitangan Hospital Psikiatri Swasta atau Rumah Jagaan Kejururawatan Psikiatri Swasta berkenaan atau penjawat awam yang berkepentingan.

13.2. Ahli Lembaga Pelawat yang dicalonkan hendaklah bersedia memberi sumbangan tenaga secara sukarela dan mempunyai kelapangan masa serta mampu memberi teguran yang membina dan berfaedah dengan berhemah dan profesional.

14. Terma dan Syarat Pelantikan

14.1. Keahlian Lembaga Pelawat bagi setiap Hospital Psikiatri Swasta dan Rumah Jagaan Kejururawatan Psikiatri Swasta dilantik oleh Menteri Kesihatan.

14.2. Tempoh sah keahlian Lembaga Pelawat bagi setiap lantikan adalah tiga (3) tahun, melainkan jika dia meletakkan jawatan lebih awal.

14.3. Ahli Lembaga Pelawat boleh dilantik semula berdasarkan prestasi dan sumbangan aktif yang memuaskan dengan persetujuan Menteri Kesihatan.

14.4. Seseorang tidak boleh dilantik sebagai ahli Lembaga Pelawat jika dia mempunyai –

(a) apa-apa kepentingan wang, sama ada secara langsung atau tidak langsung dengan premis; atau
(b) apa-apa kepentingan lain yang bercanggah atau mungkin bertentangan dengan kepentingan pesakit di premis itu.

14.5. Seseorang hanya boleh dilantik sebagai ahli dalam satu Lembaga Pelawat sama ada bagi kemudahan jagaan kesihatan awam atau swasta, termasuk hospital swasta.

14.6. Setiap ahli Lembaga Pelawat hendaklah membuat pengakuan mengenai kepentingan mereka terhadap premis berkenaan supaya tidak bercanggah dengan kepentingan Hospital Psikiatri Swasta atau Rumah Jagaan Kejururawatan Psikiatri Swasta yang berkenaan.

15. Prosedur Pelantikan

15.1. Hospital Psikiatri Swasta dan Rumah Jagaan Kejururawatan Psikiatri Swasta hendaklah mengemukakan pencalonan ahli Lembaga Pelawat sebaik-baiknya dalam tempoh dua bulan setelah dilesenkan.

15.2. Pemegang lesen Hospital Psikiatri Swasta dan Rumah Jagaan Kejururawatan Psikiatri Swasta boleh mengemukakan nama calon-calon ahli Lembaga Pelawat bagi Hospital Psikiatri Swasta atau Rumah Jagaan Kejururawatan Psikiatri Swasta yang mana berkenaan mengikut kriteria dan difikirkan layak kepada CKAPS, Bahagian Amalan Perubatan, Kementerian Kesihatan dengan menggunakan borang pencalonan seperti di **Lampiran**.

15.3. Pegawai CKAPS akan memproses dan mengemukakan nama calon-calon ahli Lembaga Pelawat Hospital Psikiatri Swasta dan Rumah Jagaan Kejururawatan Psikiatri Swasta yang diterima untuk pemilihan dan kelulusan Menteri Kesihatan.

15.4. Menteri kesihatan boleh menolak mana-mana calon yang difikirkannya tidak sesuai untuk menjadi ahli Lembaga Pelawat Hospital Psikiatri Swasta atau Rumah Jagaan Kejururawatan Psikiatri Swasta.

15.5. CKAPS akan menyediakan surat pelantikan ahli Lembaga Pelawat Hospital Psikiatri Swasta dan Rumah Jagaan Kejururawatan Psikiatri Swasta untuk ditandatangani oleh Menteri Kesihatan.

15.6. Surat pelantikan yang telah ditandatangani oleh Menteri Kesihatan akan dihantar ke Hospital Psikiatri Swasta atau Rumah Jagaan Kejururawatan Psikiatri Swasta berkenaan untuk diedarkan kepada setiap ahli Lembaga Pelawat yang telah dilantik.

15.7. Orang Yang Bertanggungjawab premis akan memberi taklimat kepada ahli Lembaga Pelawat mengenai peranan dan tanggungjawab selepas pelantikan.

16. Elaun Bagi Ahli Lembaga Pelawat

Apa-apa elaun bagi setiap kehadiran ahli Lembaga Pelawat untuk mesyuarat, lawatan, belanja perjalanan, elaun penginapan dan elaun sara hidup akan dibayar oleh pemegang lesen Hospital Psikiatri Swasta atau Rumah Jagaan Kejururawatan Psikiatri Swasta berkenaan.

PERANAN DAN TANGGUNGJAWAB LEMBAGA PELAWAT

17. Peranan Pengerusi Lembaga Pelawat

17.1. Pengerusi Lembaga Pelawat bertanggungjawab untuk mengaturkan suatu jadual mesyuarat dan lawatan bagi Lembaga Pelawat di mana:

(a) Seramai tiga (3) orang ahli Lembaga Pelawat dijadualkan untuk melaksanakan tugas setiap bulan secara bergilir dalam setahun.
(b) Sekiranya terdapat mana-mana ahli yang tidak dapat bertugas pada bulan tersebut, Pengerusi bertanggungjawab untuk melantik pengganti bagi Pelawat tersebut.

17.2. Pengerusi Lembaga Pelawat boleh melantik ahli Lembaga Pelawat yang lain untuk mempengerusikan mesyuarat dan lawatan Lembaga semasa ketiadaan Pengerusi.

17.3. Pengerusi Lembaga Pelawat lesen Hospital Psikiatri Swasta atau Rumah Jagaan Kejururawatan Psikiatri Swasta hendaklah merupakan seorang ahli Lembaga Pelawat yang dipilih dalam mesyuarat Lembaga di mana kehadirannya tidak kurang dua pertiga daripada keahliannya.

17.4. Pengerusi adalah bertanggungjawab di atas kelicinan perjalanan setiap mesyuarat yang dipengerusikannya.

18. Mengadakan Mesyuarat Ahli Lembaga

18.1. Kekerapan mesyuarat Lembaga Pelawat bagi –

(a) Hospital Psikiatri Swasta hendaklah sekurang-kurangnya sebulan sekali dan pada bila-bila masa sebagaimana yang perlu atau suai manfaat untuk melaksanakan fungsinya.
(b) Rumah Jagaan Kejururawatan Psikiatri Swasta sekurang-kurangnya tiga (3) bulan sekali dan pada bila-bila masa sebagaimana yang perlu atau suai manfaat untuk melaksanakan fungsinya.

18.2. Orang Yang Bertanggungjawab atau wakil dan mana-mana pegawai yang ditetapkan oleh Orang Yang Bertanggungjawab bagi Hospital Psikiatri Swasta atau Rumah Jagaan Kejururawatan Psikiatri Swasta berkenaan hendaklah turut menghadiri mesyuarat Lembaga.

18.3. Selain daripada ahli *ex-officio*, pemegang lesen atau salah seorang daripada ahli Lembaga Pengarah pertubuhan perbadanan atau ahli perkongsian yang memegang lesen Hospital Psikiatri Swasta atau Rumah Jagaan Kejururawatan Psikiatri Swasta berkenaan (sebaik-baiknya seorang pengamal perubatan berdaftar) perlu turut menghadiri mesyuarat Lembaga Pelawat premis berkenaan.

19. Membuat Lawatan Lembaga Pelawat

19.1. Kekerapan lawatan Lembaga Pelawat bagi –

(a) Hospital Psikiatri Swasta hendaklah sekurang-kurangnya sebulan sekali.
(b) Rumah Jagaan Kejururawatan Psikiatri Swasta sekurang-kurangnya tiga (3) bulan sekali.

19.2. Tujuan lawatan adalah untuk memantau atau menyiasat orang yang ditahan di Hospital Psikiatri Swasta atau orang yang dimasukkan ke Rumah Jagaan Kejururawatan Psikiatri Swasta, mengikut mana-mana yang berkenaan, mengenai –

(a) kebajikan dan kesihatan orang itu;
(b) kecukupan peluang dan kemudahan bagi orang itu; dan
(c) apa-apa perkara lain yang dianggap perlu atau suai manfaat oleh Pelawat itu, seperti pemeriksaan terhadap keadaan fizikal premis, kebersihan, kualiti makanan, serta layanan kakitangan kepada pesakit.

19.3. Semasa lawatan, Pelawat bagi sesuatu Hospital Psikiatri Swasta atau Rumah Jagaan Kejururawatan Psikiatri Swasta boleh –

(a) memeriksa mana-mana bahagian premis itu; dan
(b) memeriksa mana-mana daftar, buku, perintah, perakuan atau dokumen lain yang berhubungan dengan kemasukan dan pelepasan orang yang ditahan atau dimasukkan ke dalam premis itu.

20. Menyediakan Laporan Pelawat

20.1. Laporan mesyuarat atau lawatan oleh Lembaga Pelawat di Hospital Psikiatri Swasta atau Rumah Jagaan Kejururawatan Psikiatri Swasta hendaklah dicatatkan dalam Buku Laporan Pelawat, yang mengandungi maklumat berikut:

(a) Tarikh dan masa mesyuarat atau lawatan.
(b) Kehadiran Pelawat.
(c) Teguran Pelawat tentang kejadian.
(d) Saranan berhubung dengan kemudahan atau perkhidmatan.
(e) Ulasan atau aduan tentang apa jua aspek infrastruktur, proses atau tatacara premis.
(f) Apa jua perkara lain yang dianggap perlu.

20.2. Ahli Lembaga Pelawat hendaklah, seberapa segera yang mungkin, selepas setiap lawatan ke Hospital Psikiatri Swasta atau Rumah Jagaan Kejururawatan Psikiatri Swasta –

(a) mencatatkan apa-apa pendapat yang difikirkan oleh mereka patut berkenaan dengan kesejahteraan fizikal dan kebajikan orang yang ditahan atau dimasukkan ke dalam Hospital Psikiatri Swasta atau Rumah Jagaan Kejururawatan Psikiatri Swasta itu, di dalam suatu buku yang disimpan di premis itu;
(b) menyediakan laporan selepas setiap lawatan dan membincangkan dalam Mesyuarat Ahli Lembaga Pelawat;
(c) mengemukakan laporan lawatan kepada pihak pengurusan premis; dan
(d) mengemukakan laporan lawatan kepada Ketua Pengarah Kesihatan, sekiranya difikirkan perlu.

20.3. Laporan mesyuarat atau lawatan oleh Lembaga Pelawat di Hospital Psikiatri Swasta atau Rumah Jagaan Kejururawatan Psikiatri Swasta hendaklah –

(a) mengandungi pandangan, teguran, masalah-masalah, perkara-perkara yang ditimbulkan semasa lawatan dibuat dengan ulasan, cadangan dan syor untuk mengatasinya (jika ada); dan
(b) bertaraf SULIT dan tidak boleh dibincang dengan orang awam atau disediakan kepada pihak media.

20.4. Pemegang lesen Hospital Psikiatri Swasta atau Rumah Jagaan Kejururawatan Psikiatri Swasta hendaklah mengemukakan laporan lawatan dan ulasan Lembaga Pelawat Hospital Psikiatri Swasta atau Rumah Jagaan Kejururawatan Psikiatri Swasta berserta tindakan yang telah diambil atau akan diambil kepada Bahagian Amalan Perubatan, Kementerian Kesihatan dan sesalinan kepada Pengarah Kesihatan Negeri dalam tempoh dua (2) minggu dari tarikh mesyuarat Lembaga Pelawat diadakan.

21. Memeriksa Pesakit Tidak Sukarela yang Memohon Pelepasan Keluar dari Hospital Psikiatri Swasta

Apabila seseorang pesakit tidak sukarela atau saudara pesakit tersebut gagal mendapat pelepasan permohonan keluar (discaj) daripada Orang Yang Bertanggungjawab hospital, Lembaga Pelawat hendaklah –

21.1. meneliti rayuan bertulis permohonan pelepasan pesakit tersebut;

21.2. memeriksa sendiri orang yang berkenaan dan memutuskan sama ada Lembaga Pelawat –

(a) masih enggan membenarkan pelepasannya; atau
(b) berpuas hati bahawa pesakit itu –
  (i) tidak bercelaru mental; atau
  (ii) walaupun masih bercelaru mental, tidak memerlukan jagaan atau rawatan lanjut di Hospital Psikiatri Swasta dan tidak berbahaya kepada dirinya atau kepada orang lain.; dan

21.3. merekodkan dapatan mereka dalam suatu laporan dan apabila orang yang berkenaan masih terkilan dengan keputusan keengganan pelepasan keluar, kedua-dua laporan Orang Yang Bertanggungjawab dan Lembaga Pelawat tersebut hendaklah dikemukakan kepada Ketua Pengarah Kesihatan untuk pertimbangan lanjut rayuan pelepasan berkenaan.

22. Memeriksa Pesakit Tidak Sukarela Tahanan Lanjut di Hospital Psikiatri Swasta

22.1. Ahli Lembaga Pelawat akan memutuskan sama ada seseorang pesakit tidak sukarela itu dilepaskan atau dilanjutkan penahanannya, setelah –

(a) menilai laporan pemeriksaan pesakit oleh Orang Yang Bertanggungjawab, sebelum tamat tempoh tiga (3) bulan setelah kemasukan atau penahanan pesakit tidak sukarela tersebut di hospital berkenaan; dan
(b) memeriksa dan membuat siasatan berhubung dengan kemasukan dan penahanan pesakit tidak sukarela tersebut.

22.2. Sekiranya ahli Lembaga Pelawat berpuas hati bahawa penahanan lanjut pesakit itu wajar, ketiga-tiga Pelawat yang bertugas hendaklah –

(a) mengisi dan menandatangani Perintah Tahanan Lanjut Pesakit Tidak Sukarela di Hospital Psikiatri oleh Lembaga Pelawat (seperti di **Borang 8**); dan
(b) menetapkan tempoh tahanan lanjut yang tidak melebihi enam (6) bulan dari tarikh perintah itu atau suatu tempoh yang lebih singkat sebagaimana yang ditentukan oleh Menteri Kesihatan.

23. Membuat Kajian Semula Pesakit Tidak Sukarela oleh Pelawat di Hospital Psikiatri Swasta

23.1. Lembaga Pelawat seterusnya perlu memutuskan sama ada seseorang pesakit tidak sukarela yang telah ditahan lanjut (melalui Perintah Borang 8) itu –

(a) dilepaskan;
(b) dilepaskan pada suatu tarikh pada masa hadapan (sebagaimana yang ditentukan dalam Perintah itu); atau
(c) dilanjutkan penahanannya,
setelah menimbangkan laporan oleh Orang Yang Bertanggungjawab dan melakukan pemeriksaan semula pesakit tidak sukarela tersebut sebelum tamat tempoh yang ditetapkan.

23.2. Sekiranya Lembaga Pelawat berpuas hati bahawa penahanan lanjut pesakit tidak sukarela itu wajar, ketiga-tiga Pelawat yang bertugas hendaklah –

(a) mengisi dan menandatangani Arahan Bagi Tahanan Lanjut Pesakit Tidak Sukarela di Hospital Psikiatri oleh Lembaga Pelawat (seperti di **Borang 9**); dan
(b) menetapkan tempoh tahanan lanjut yang tidak melebihi 12 bulan dari tarikh kemasukan dan penahanan pesakit tidak sukarela tersebut.

23.3. Mana-mana pesakit tidak sukarela yang ditahan lanjut, melalui Arahan Borang 9 tersebut, Lembaga Pelawat hendaklah menjalankan kajian semula sekurang-kurangnya sekali, sebelum tamat tempoh tahanannya di Hospital Psikiatri Swasta berkenaan dan secara berterusan, selagi mana pesakit tidak sukarela itu ditahan tidak melebihi 12 bulan bulan dari tarikh kemasukan dan penahanan di Hospital Psikiatri Swasta berkenaan.

24. Tatacara Mesyuarat atau Lawatan Lembaga Pelawat

24.1. Pemegang lesen atau Orang Yang Bertanggungjawab premis, mengikut mana-mana yang berkenaan, dari satu Hospital Psikiatri Swasta atau Rumah Jagaan Kejururawatan Psikiatri Swasta hendaklah mengeluarkan –

(a) notis mesyuarat atau lawatan yang dijadualkan sekurang-kurangnya dua (2) minggu sebelum tarikh mesyuarat atau lawatan yang dijadualkan Lembaga Pelawat itu; atau
(b) Notis mesyuarat atau lawatan segera yang diarahkan oleh Pengerusi Lembaga Pelawat pada bila-bila masa yang munasabah untuk menyoal siasat semua kematian atau peristiwa yang tidak diduga yang berlaku sejak mesyuarat atau lawatan yang dijadualkan terakhir Lembaga Pelawat.

kepada ahli Lembaga Pelawat.

24.2. Jadual lawatan perlu diedarkan terlebih dahulu kepada semua ahli Lembaga Pelawat dan Ketua Pegawai Eksekutif Hospital Psikiatri Swasta atau Rumah Jagaan Kejururawatan Psikiatri Swasta atau setaraf dengannya sebelum mana-mana lawatan dibuat.

24.3. Bagi maksud mengadakan mesyuarat atau lawatan Lembaga Pelawat, ahli Lembaga Pelawat hendaklah –

(a) memutuskan format mesyuarat atau lawatan tersebut;
(b) menilai mana-mana pesakit sukarela yang penahanannya melebihi tiga (3) bulan di Hospital Psikiatri Swasta untuk membuat pertanyaan mengenai hak dan kebajikannya;
(c) memastikan pesakit diberi peluang untuk menyuarakan rasa tidak puas hatinya tanpa rasa takut;
(d) melaporkan apa-apa dapatan atau ketidakpatuhan semasa temu bual dalam Buku Laporan Pelawat; dan
(e) mengemukakan dan mencatatkan saranan, aduan atau ulasan jika perlu, dalam Buku Laporan Pelawat.

24.4. Ahli Lembaga Pelawat juga boleh –

(a) menimbangkan keputusan semasa ketiadaan Orang Yang Bertanggungjawab Hospital Psikiatri Swasta atau Rumah Jagaan Kejururawatan Psikiatri Swasta, jika dianggap perlu;
(b) berinteraksi dengan pesakit untuk memahami keadaan mereka dan mengesan sebarang kekurangan dalam penjagaan yang diberikan;
(c) menemubual mana-mana kakitangan, saudara atau sahabat pesakit di Hospital Psikiatri Swasta atau Rumah Jagaan Kejururawatan Psikiatri Swasta, yang mengetahui tentang kenyataan atau hal keadaan mana-mana perkara dalam siasatan. Orang yang ditemu bual boleh memberikan maklumat sama ada secara lisan atau bertulis;
(d) menghendaki mana-mana orang untuk memberikan apa-apa maklumat yang diketahuinya benar atau dipercayainya benar; dan
(e) mengemukakan notis temu bual kepada Orang Yang Bertanggungjawab premis untuk tujuan penyelarasan.

24.5. Orang Yang Bertanggungjawab Hospital Psikiatri Swasta atau Rumah Jagaan Kejururawatan Psikiatri Swasta adalah bertanggungjawab untuk–

(a) mengambil tindakan susulan terhadap laporan Lembaga Pelawat, mengikut kemampuan dan melaporkan semula dalam mesyuarat Lembaga yang dijadualkan selepas itu atau sebagaimana yang diarahkan; dan
(b) memastikan kehadiran orang yang ingin ditemu bual pada tarikh dan masa mesyuarat, sebagaimana yang dinyatakan dalam notis.

24.6. Sebarang pertikaian mengenai keputusan mesyuarat Lembaga Pelawat Hospital Psikiatri Swasta atau Rumah Jagaan Kejururawatan Psikiatri Swasta boleh dirujuk kepada Bahagian Amalan Perubatan, Kementerian Kesihatan untuk perbincangan kearah penyelesaian.

24.7. Bahagian Amalan Perubatan, Kementerian Kesihatan boleh merujuk kepada Menteri Kesihatan. Keputusan atau saranan sebagaimana yang ditetapkan oleh Menteri Kesihatan adalah muktamad dan konklusif.

24.8. Sebarang aduan oleh ahli Lembaga Pelawat, pesakit, atau kakitangan Hospital Psikiatri Swasta atau Rumah Jagaan Kejururawatan Psikiatri Swasta boleh diajukan kepada Orang Yang Bertanggungjawab untuk penyiasatan. Jika tidak dapat diselesaikan, isu tersebut dirujuk kepada Kementerian Kesihatan.

24.9. Ahli Lembaga Pelawat tidak dibenarkan menghantar wakil dalam apa jua keadaan.

24.10. Lawatan ahli-ahli Lembaga Pelawat hendaklah disertai bersama oleh seorang ahli *ex-officio* yang terdiri daripada Ketua Pegawai Eksekutif atau setaraf dengannya atau wakil tetapnya.

24.11. Ahli Lembaga Pelawat Hospital Psikiatri Swasta atau Rumah Jagaan Kejururawatan Psikiatri Swasta tidak boleh membincangkan selok-belok dan teknik rawatan dengan mana-mana pesakit.

KOD ETIKA AHLI LEMBAGA PELAWAT

25. Ahli Lembaga Pelawat perlu menunjukkan tingkah laku profesional sepanjang menjalankan tugas, khususnya ketika berinteraksi dengan pesakit sukarela, waris pesakit dan kakitangan hospital.

26. Semua maklumat mengenai pesakit yang diperoleh semasa lawatan mestilah dirahsiakan, dan tidak boleh didedahkan kepada umum atau media.

27. Mesyuarat atau lawatan Lembaga Pelawat hendaklah dijalankan dengan memberi perhatian khusus kepada kerahsiaan dan maruah pesakit.

28. Ahli Lembaga Pelawat juga perlu mengelakkan sebarang bentuk konflik kepentingan, sama ada yang melibatkan kepentingan peribadi atau kewangan, yang boleh menjejaskan kebajikan pesakit atau kredibiliti Lembaga Pelawat.

29. Ahli Lembaga Pelawat adalah dilarang membawa media serta membuat kenyataan dalam akhbar berkaitan dengan hasil lawatannya.

URUS SETIA LEMBAGA PELAWAT

30. Pihak Pengurusan bagi Hospital Psikiatri Swasta atau Rumah Jagaan Kejururawatan Psikiatri Swasta hendaklah bertindak sebagai urus setia Lembaga Pelawat di premis berkenaan.

31. Tugas-tugas urus setia Lembaga Pelawat bagi Hospital Psikiatri Swasta atau Rumah Jagaan Kejururawatan Psikiatri Swasta termasuklah –

31.1. menyenggara rekod keahlian Lembaga Pelawat;

31.2. memulakan tindakan untuk mengisi kekosongan kerana tempoh pelantikan baru atau peletakan jawatan;

31.3. menguruskan perjalanan mesyuarat Lembaga Pelawat;

31.4. berbincang dengan Pengerusi Lembaga Pelawat bagi menyediakan jadual lawatan;

31.5. mengaturkan lawatan dan mesyuarat Lembaga Pelawat;

31.6. mengambil nota-nota lawatan dan mesyuarat Lembaga Pelawat;

31.7. mengedarkan salinan nota-nota, laporan lawatan dan minit mesyuarat Lembaga Pelawat kepada pihak-pihak yang berkenaan;

31.8. memaklumkan kekosongan dan mengemukakan pencalonan ahli baru bagi Lembaga Pelawat yang dicalonkan oleh pemegang lesen bagi Hospital Psikiatri Swasta atau Rumah Jagaan Kejururawatan Psikiatri Swasta berkenaan kepada CKAPS, Bahagian Amalan Perubatan, Kementerian Kesihatan atas sebab tamat tempoh pelantikan atau perletakan jawatan; dan

31.9. Surat untuk ahli Lembaga Pelawat Hospital Psikiatri Swasta atau Rumah Jagaan Kejururawatan Psikiatri Swasta boleh menggunakan alamat (d/a) Hospital Psikiatri Swasta atau Rumah Jagaan Kejururawatan Psikiatri Swasta yang berkenaan.

PENAMATAN KEAHLIAN

32. Pelantikan ahli Lembaga Pelawat boleh disarankan supaya dibatalkan jika ahli tersebut –

32.1. memberikan maklumat palsu semasa permohonan pelantikan;

32.2. tidak menhadirkan diri dalam tiga (3) mesyuarat atau lawatan Lembaga Pelawat berturut-turut tanpa alasan yang munasabah; atau

32.3. melanggar mana-mana terma dan syarat pelantikan.

33. Pelawat yang disarankan untuk ditamatkan pelantikannya hendaklah buat sementara waktu tidak menghadiri mesyuarat atau lawatan Lembaga Pelawat sehinggalah keputusan rasmi daripada Menteri Kesihatan diterima. Ahli Lembaga Pelawat tersebut akan dimaklumkan mengenai keputusan pembatalan keahlian.

34. Pelawat yang ingin meletak jawatan hendaklah memberi notis bertulis satu bulan kepada Pengerusi Lembaga Pelawat, yang kemudian akan menyampaikannya kepada Menteri Kesihatan. Menteri boleh melantik ahli baru setelah menerima peletakan jawatan tersebut.

PEGAWAI YANG DILANTIK

35. Pegawai dan urus setia yang dilantik untuk mengendalikan borang pencalonan dan pelantikan ahli Lembaga Pelawat di Kementerian Kesihatan terdiri daripada pegawai-pegawai di Cawangan Kawalan Amalan Perubatan swasta, Bahagian Amalan Perubatan, Kementerian Kesihatan.

LAMPIRAN

KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA

BORANG PENCALONAN
AHLI LEMBAGA PELAWAT
KEMUDAHAN DAN PERKHIDMATAN JAGAAN KESIHATAN SWASTA

PERHATIAN:

1. Setiap calon perlu mengisi sesalinan Borang Pencalonan Ahli Lembaga Pelawat Kemudahan dan Perkhidmatan Jagaan Kesihatan Swasta (KPJKS) dengan lengkap.
2. Borang Pencalonan hendaklah disertakan dengan **2 Keping Gambar** berukuran Pasport.
3. Seseorang itu boleh dilantik sebagai ahli bagi satu Lembaga Pelawat sahaja termasuk Lembaga Pelawat bagi mana-mana hospital atau klinik kesihatan kerajaan atau swasta.

Nota: Tandakan (✓) pada kotak yang berkenaan.

A. BUTIR-BUTIR KPJKS

1. Nama KPJKS : _____
2. Alamat KPJKS : _____

_____

_____

B. BUTIR-BUTIR CALON

3. Nama Penuh : _____
(HURUF BESAR)
4. Nama Lain : _____
5. No. KPPN : _____
6. Tarikh/Tempat Lahir : _____
7. Jantina : ☐ Lelaki ☐ Perempuan
8. Bangsa : ☐ Melayu ☐ Cina ☐ India ☐ Lain-lain

Nyatakan: _____

9. Taraf Perkahwinan : ☐ Belum Berkahwin ☐ Berkahwin ☐ Duda/Janda

10. Kerakyatan : ☐ Warganegara ☐ Bukan Warganegara

11. Alamat :

(a) Kediaman tetap

_____

_____

Poskod : _____

(b) Alamat tempat kerja

_____

_____

Poskod : _____

No. Telefon: _____

12. No. Telefon : Rumah: _____ Bimbit : _____

13. Pekerjaan : ☐ Kerajaan ☐ Swasta ☐ Sendiri ☐ Badan Berkanun

☐ Lain-lain (Nyatakan): _____

14. Jawatan/Jenis Pekerjaan : _____

C. KELULUSAN AKADEMIK

15. Kelulusan Tertinggi : ☐ Ijazah/Diploma ☐ STPM/HSC ☐ SPM/MCE

☐ SRP/PMR ☐ ≤ Darjah 6 ☐ Lain-Lain

Nyatakan: _____

D. KEGIATAN SUKARELA BAGI 3 TAHUN TERAKHIR
(DIISI SEKIRANYA CALON DARI BADAN SUKARELA SAHAJA)

16. Kegiatan Sukarela :

Nama Badan Sukarela	Tempoh Keahlian	Jawatan Sekarang

E. AKTIVITI/SUMBANGAN BAGI 3 TAHUN TERAKHIR

17. Peringkat Kebangsaan

(a) _____

(b) _____

(c) _____

18. Peringkat Negeri

(a) _____

(b) _____

(c) _____

19. Peringkat Daerah/Mukim/Kampung

(a) _____

(b) _____

(c) _____

F. PENGAKUAN CALON

20. Pengakuan Calon

Saya mengaku bahawa semua maklumat yang dinyatakan dalam borang ini adalah benar. Saya mengaku bahawa saya tidak pernah diisytihar bankrap, dan tiada sebarang rekod jenayah termasuk tidak disabitkan di Mahkamah Syariah. Saya mengaku tidak mempunyai sebarang kepentingan sendiri yang bercanggah dengan kepentingan kemudahan dan perkhidmatan jagaan kesihatan swasta ini. Sekiranya kenyataan di atas adalah tidak benar, Y.B. Menteri Kesihatan berhak menamatkan perkhidmatan saya sebagai ahli Lembaga Pelawat jika saya telah dilantik.

_____

Tandatangan

Nama : _____

No. KPPN : _____ Tarikh: _____

G. ULASAN KPJKS

21. Ulasan Ketua Pegawai Eksekutif atau Setaraf Dengannya (jika berkenaan)

_____

_____

_____

_____
(Tandatangan dan Cop Rasmi)

Nama : _____

No. KPPN : _____ Tarikh: _____

Jawatan : _____

22. Borang pencalonan hendaklah dikemukakan kepada:

Bahagian Amalan Perubatan
Kementerian Kesihatan Malaysia
Aras 3, Blok E1, Kompleks E
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan
62590 PUTRAJAYA
(u.p.: CAWANGAN KAWALAN AMALAN PERUBATAN SWASTA)

BORANG 8

PERINTAH TAHANAN LANJUT PESAKIT TIDAK SUKARELA DI HOSPITAL PSIKIATRI OLEH LEMBAGA PELAWAT

[PERENGGAN 44(2)*(b)* AKTA KESIHATAN MENTAL 2001]

Kepada,

Pengarah Perubatan , HOSPITAL PSIKIATRI ……..……..
(nama hospital)

Kami, Pelawat yang bertandatangan di bawah, dengan ini mengesahkan bahawa setelah memeriksa sendiri

……..... No. Kad Pengenalan …….....
(*nama pesakit)*

pada ……. di …… berpuas hati bahawa penahanan
(tarikh) *(nama hospital)*

seorang pesakit tidak sukarela di bawah subseksyen 9(5), 10(8), 14(7) dan seksyen 73 Akta Kesihatan Mental 2001

pada .....di..... berpuas hati bahawa penahanan berterusan pesakit
(tarikh) (nama hospital)

tersebut adalah wajar bagi maksud rawatan kecelaruan mentalnya. Kami, dengan ini memerintahkan supaya pesakit tersebut ditahan di hospital psikiatri bagi tempoh selanjutnya yang tidak melebihi enam bulan dari tarikh perintah ini.

Tandatangan..…… (Pelawat)	Tandatangan……. (Pelawat)	Tandatangan…… (Pelawat)
Nama……	Nama……	Nama……..
Tarikh…….	Tarikh……	Tarikh……..

** Potong mana-mana yang tidak berkenaan*

BORANG 9

ARAHAN BAGI TAHANAN LANJUT PESAKIT TIDAK SUKARELA DI HOSPITAL PSIKIATRI OLEH LEMBAGA PELAWAT

[PERENGGAN 45(2)*(b)*, 4*(c)* DAN SUBSEKSYEN 45(5) AKTA KESIHATAN MENTAL 2001]

Kepada,

Pengarah Perubatan, HOSPITAL PSIKIATRI ……..……..

(nama hospital)

Kami, Pelawat yang bertandatangan di bawah, dengan ini mengesahkan bahawa setelah memeriksa sendiri

……..…….No. Kad Pengenalan ……..

(nama pesakit)

pesakit tidak sukarela yang ditahan di bawah subseksyen 9(5), 10(8), 14(7) dan seksyen 73* Akta Kesihatan Mental 2001 pada ……..... di ……..……..... berpuas hati bahawa

(tarikh) *(hospital psikiatri)*

penahanan berterusan pesakit tersebut adalah wajar bagi maksud rawatan kecelaruan mentalnya.

Kami dengan ini memerintahkan supaya pesakit tersebut ditahan bagi tujuan penilaian atau rawatan di hospital psikiatri yang dinyatakan di atas bagi tempoh selanjutnya yang tidak melebihi dua belas bulan dari tarikh perintah ini .

Tandatangan……..	Tandatangan……..	Tandatangan..……
(Pelawat)	(Pelawat)	(Pelawat)
Nama……	Nama……	Nama……..……..
Tarikh……	Tarikh……	Tarikh……

* Potong mana-mana yang tidak berkenaan